



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Rugi RM180,000 akibat *Macau Scam*
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 6 May 2019

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 50

Rugi RM180,000 akibat *Macau Scam*

■ KOTA BHARU 6 MEI

ANGKARA *Macau Scam* seorang wanita berusia 30-an kerugian lebih RM180,000 selepas diperdaya sindiket berkenaan sejak Disember lepas.

Mangsa dikatakan membuat pemindahan wang ke beberapa akaun sejak Disember lepas hingga April tahun ini kerana bimbang akan dikenakan tindakan.

Bagaimanapun, selepas menyedari dirinya tertipu, wanita yang juga seorang penjawat awam dari Jalan Hospital, di sini kemudiannya bertindak membuat laporan polis.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kelantan, Deputy Superintenden Ahmad Arifin berkata, dalam kes berkenaan mangsa dilaporkan menerima panggilan telefon mengatakan dia terlibat dalam

pengiriman barang terlarang yang menyalahi undang-undang pada akhir Disember lepas.

“Mangsa menafikan kerana tidak pernah membuat kiriman barang terlarang itu. Namun, panggilan berkenaan kemudian disambung kepada seorang anggota polis yang didakwa berpangkat sarjan.

“Lelaki yang menyamar polis itu memaklumkan mangsa mempunyai kes rekod sindiket

pengubahan wang haram dan sindiket penyeludupan dadah yang membolehkan dia ditangkap dan direman,” katanya.

Beliau berkata, kerana bimbang dan takut dengan ugutan itu, mangsa membuat beberapa transaksi kepada beberapa akaun yang diberi bermula Disember sehingga akhir April lepas berjumlah lebih RM180,000.

Katanya, sindiket *Macau*

Scam tidak akan berhenti mencari mangsa dan orang ramai diharapkan jangan mudah tertipu sekiranya menerima panggilan daripada individu yang mencurigakan.

“Jika mendapat panggilan mencurigakan seperti membuat dakwaan sabitan jenayah kita minta rujuk kepada polis bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil,” katanya. - **BERNAMA**